

STPM Kertas 1 Set KVK 2:

Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan

(a) Lapan kesilapan

1. Jumlah jualan hanya merujuk kepada jualan kredit sahaja
Jumlah jualan = Jualan Kredit + Jualan tunai
 $= 37390 + 12140 = \text{RM}49,530$
Jumlah jualan dikurangnyaatakan adalah sebanyak RM12,140. Maka, untung bersih juga dikurangnyaatakan.
2. Pindahan kontra tidak diambil kira di akaun kawalan belum bayar. Jadi, belian kredit telah dikurangnyaatakan sebanyak RM160. Ini bererti untung bersih telah dilebihnyatakan.
3. Penurunan nilai inventori akhir tidak diambil kira. Nilai inventori akhir yang sepatutnya ialah:
 $(10100 - 1200) + 860 = \text{RM } 9760$
Ini bererti inventori akhir telah dilebihnyatakan sebanyak RM340 ($10140 - 9760$). Maka, kos jualan telah dikurangnyaatakan dan ini telah melebihi nyatakan untung bersih.
4. Pelarasan untuk komisen diterima tidak dilakukan.
Komisen diterima sebenar $= 800 + 2450 - 600 = \text{RM}2650$
Jadi, komisen diterima telah dikurangnyaatakan sebanyak RM200 ($2650 - 2450$). Maka, untung bersih telah dikurangnyaatakan.
5. Pelarasan untuk insurans tidak dilakukan.
Belanja insurans tahunan sebenar ialah: $220 + 400 - 180 = \text{RM}440$
Ini bererti belanja insurans telah dikurangnyaatakan sebanyak RM40 ($440 - 400$). Maka, untung bersih telah dilebihnyatakan.
6. Pengiraan susut nilai kenderaan tidak betul.
Susut nilai kenderaan sebenar $= 38000 * 20\% = \text{RM}7600$
Jadi, susut nilai kenderaan telah dikurangnyaatakan sebanyak RM3800 ($7600 - 3800$). Maka, untung bersih telah dilebihnyatakan.
7. Hutang lapuk tidak direkodkan sebagai belanja di penyata pendapatan. Ini bererti untung bersih telah dilebihnyatakan sebanyak RM240. Maka, untung bersih telah dilebihnyatakan.
8. Pengiraan susut nilai alatan pejabat tidak betul.
Susut nilai alatan pejabat sebenar ialah: $8660 - 1000 + 800 - 7560 = \text{RM}900$.
Susut nilai alatan pejabat telah dilebihnyatakan sebanyak RM200 ($1100 - 900$). Maka, untung bersih telah dikurangnyaatakan.

(b) Penyata menyelaraskan untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

	RM	RM
Untung bersih sebelum pelarasan		6,850
Tambah:		
Jualan tunai tertinggal	12,140	
Komisen diterima dikurangkan	200	
Susut nilai alatan pejabat dilebihnyatakan	200	12,540
		19,390
Tolak:		
Pindahan kontra akaun kawalan akaun belum bayar	160	
Inventori akhir terlebih nilai	340	
Insurans dikurangnyaatakan	40	
Susut nilai kenderaan dikurangnyaatakan	3,800	
Hutang lapuk tertinggal	240	4,580
Untung bersih selepas pelarasan		14,810

(c) Penyediaan penyata kedudukan kewangan:

Perniagaan Sandra Wong Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020			
	RM	RM	RM
Aset bukan semasa			
Kenderaan (kos)		38,000	
(-) Susut nilai terkumpul kenderaan		15,200	22,800
Alatan pejabat			7,560
			30,360
Aset semasa			
Inventori		9,760	
Akaun belum terima		5,020	
Insurans terdahulu		180	
Komisen diterima terakru		800	
Bank		20,130	
		35,890	
Tolak: Liabiliti semasa			
Akaun belum bayar		2,150	
Modal kerja			33,740
			64,100
Diwakili oleh:			
Ekuiti pemilik			
Modal awal			54,890
(+) Untung bersih		14,810	
(-) Ambilan		5,600	9,210
			64,100